

31 JAN 2004
Indon-Mahathir
DR MAHATHIR AKAN TERIMA ANUGERAH UNIVERSITI BANDUNG

Oleh: Openg Onn

JAKARTA, 31 Jan (Bernama) -- Bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad, yang disanjung di Indonesia kerana keberanian dan kepintarannya, akan dianugerahkan ijazah kehormat doktor pembangunan ekonomi oleh Universiti Padjadjaran (UNPAD), Bandung, Jumaat ini.

Setiausaha UNPAD, Suhaimie, ketika dihubungi hari ini berkata Dr Mahathir akan menerima anugerah itu dalam satu majlis khas di Dewan Graha Sanusi universiti awam itu.

Katanya pemilihan Dr Mahathir, yang dibuat oleh sebuah jawatankuasa penilai yang diketuai Dekan Fakulti ekonomi UNPAD, adalah sebagai mengiktiraf peranan besar beliau dalam menjadikan Malaysia sebuah negara contoh menerusi perancangan ekonomi yang kukuh.

Bekas perdana menteri itu amat dihormati oleh rakyat Indonesia kerana dilihat sebagai seorang pejuang bukan saja untuk negaranya tetapi Asia, khususnya dalam berdepan dengan pengaruh Barat, kata Suhaimie.

Tokoh-tokoh dunia yang pernah menerima anugerah daripada universiti itu termasuk mendiang Ho Chi Minh dari Vietnam dan mendiang Josip Broz Tito dari Yugoslavia.

Suhaimie berkata Dr Mahathir dijangka tiba di Bandung, ibu negara Jawa Barat, pada pagi 6 Feb.

Selepas majlis itu, beliau akan menunaikan solat Jumaat di masjid universiti itu dan kemudian berdialog dengan pelajar-pelajar Malaysia di hotel tempat beliau menginap.

Beliau juga akan melawat pejabat akhbar Pikiran Rakyat dan kemudian akan ditemu bual oleh majalah mingguan Indonesia yang popular, Tempo.

Pada malamnya, Dr Mahathir akan diraikan pada satu jamuan oleh Gabenor Jawa Barat, Dani Setiawan.

-- BERNAMA
OPP MFJ MAI